

Bil. 15

Selasa
23 April 2019



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia:

- i) YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdull,
Ketua Pesuruhjaya

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 23 APRIL 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pegawai Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi II)]
Cik Nurnadiah binti Kamarudin [Penolong Juruaudit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi I)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

Datuk Haji Abd Aziz bin Aban [Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]
Tuan Wan Mohamad bin Wan Drahman [Ketua Cawangan Sektor Awam bahagian
Pemeriksaan dan Perundangan]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan
Operasi Pusat dan Agensi)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah 1 Bahagian Bajet Pembangunan]
Puan Norzie Fariza binti Suid [Ketua Penolong Pengarah (Kerajaan Tempatan) Bahagian
Perkhidmatan Sosial]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan (Unit Khas
Laporan Ketua Audit Negara)]
Puan Suriati binti Samsudin [Ketua Penolong Pengarah Unit Cawangan Operasi
Perkhidmatan/ Sektor OB/ Unit 4)]

SAKSI**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull [Ketua Pesuruhjaya]
Tuan Zainuddin bin Abd. Latip [Timbalan Pesuruhjaya]
Tuan Zainuddin bin Ishak [Penolong Kanan Pesuruhjaya]
Tuan Azian bin Umar [Penolong Kanan Pesuruhjaya]
Tuan Shahidan bin Asmar [Penolong Penguasa]
Tuan Mohd Sukri bin Abdullah [Penolong Penguasa]
Puan S.Faridah Selamat [Penguasa Kanan]
Tuan Jamaluddin bin Sarip [Ketua Penolong Kanan Penguasa]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 23 April 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.45 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen, Yang Berbahagia Datuk SUDR yang juga merupakan setiausaha PAC Parlimen Datuk Roosme binti Hamzah dan juga berada bersama kita adalah *ex-officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, SPRM dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih semua hadir pada hari ini.

So, Ahli-ahli Mesyuarat sekalian. Pagi ini PAC Parlimen meneruskan mesyuarat prosiding berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Selepas mendengar penjelasan dan keterangan daripada Datuk Siti Zainab binti Omar yang juga merupakan Peguam Cara Negara II yang telah hadir tadi mewakili Peguam Negara.

Juga berada kita sekarang ini ada di hadapan PAC Parlimen ketika ini adalah Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull selaku Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Saya bagi pihak Ahli PAC yang lain ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Sri kerana hadir di hadapan Jawatankuasa ini bagi membantu PAC Parlimen menjalankan prosiding berhubung penjualan tanah milik DBKL.

Untuk pengetahuan Yang Berbahagia Dato' Sri, PAC Parlimen memulakan mesyuarat prosiding berhubung dengan isu yang kita katakan ini pada 4 April 2019 dan Jawatankuasa telah memanggil Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Samad yang merupakan Menteri Wilayah.

Hasil daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri, Jawatankuasa ini berpendapatan perlu untuk memanggil Peguam Negara dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia secara berasingan bagi memberikan penjelasan dan keterangan. Dalam mesyuarat prosiding bersama Yang Berhormat Menteri itu, Yang Berhormat Menteri ada memberikan keterangan bahawa beliau mempunyai surat kebenaran daripada SPRM bagi meneruskan penjualan 97 lot tanah yang sebelum ini didakwa mempunyai transaksi yang meragukan.

Perkara itu adalah beberapa isu lain yang dibangkitkan Ahli-ahli PAC Parlimen dalam mesyuarat prosiding bersama Dato' Sri. Jadi sehubungan itu tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull untuk memberikan penjelasan dan keterangan berhubung mesyuarat prosiding hari ini. Terima kasih Dato' Sri dan saya mempersilakan Dato' Sri untuk memulakan. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull [Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selamat pagi Yang Berhormat Pengerusi PAC, Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Terlebih dahulu saya hendak minta maaf sebab saya batuk dua minggu sudah. Kalau suara terbatuk-batuk saya minta maaf.

Okey, izinkan saya untuk beri taklimat terlebih dahulu berhubung dengan latar belakang kes ini. Sebenarnya kita telah menjalankan siasatan ke atas awalnya 64 lot tanah pada 17 Mei 2018. Selepas itu, DBKL pada 3 September, maksudnya ada *gap* antara bulan April dan September telah mengemukakan 97 transaksi tanah lot yang asalnya 64. Maksudnya ada tambahan lagi dalam 33 lot di mana DBKL telah membahagikan empat *stages* iaitu:

- (i) 43 transaksi pelupusan tanah boleh diteruskan;
- (ii) 19 transaksi pelupusan tanah disyorkan untuk dibatalkan;
- (iii) 15 transaksi pelupusan tanah ditangguhkan; dan
- (iv) 20 transaksi meragukan.

Dia minta kami fokus pada 20 transaksi tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kami bukan menjalankan siasatan ke atas 20 transaksi tetapi kami menjalankan siasatan ke atas 97 transaksi. Kesemua kami siasatan.

Jadi bila kami menjalankan siasatan kami ambil pendekatan *because* dalam maklumat ini tidak ada disebut secara detil perlakuan rasuah. Jadi ia hanya berasaskan keraguan berkaitan dengan harga yang dibeli itu lebih mahal daripada harga yang dinilai oleh JPPH. Lebih murah daripada yang di— tapi tidak kesemualah, yang ketaranya yang 20 transaksi.

■1150

Jadi kami mengambil pendekatan menggunakan beberapa cara. Pertamanya kami menggunakan *money trail*. *Money trail* itu kami semak semua akaun syarikat-syarikat yang terlibat dan juga suspek yang kami syak bersama dengan *family tree*. Kedua, kami meminta bantuan daripada Bank Negara, lihat daripada segi STR, *suspicious threshold transaction*. Kedua, kita tengok CTR, *cash threshold transaction*. So, ini pendekatan yang kami gunakan. So, *next*, berdasarkan analisa kita daripada 97 transaksi penjualan tanah oleh DBKL itu, kami dapati bahawa— ya?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tadi kata ada tiga cara...

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Dua cara.

Tuan Wong Kah Woh: *Money trail* dan *threshold transaction*.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: CTR. Lagi satu CTR dan yang kedua STR daripada Bank Negara.

Tuan Wong Kah Woh: CTR?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: CTR iaitu *cash threshold*. STR adalah *suspicious threshold*. Ini yang digunakan oleh Bank Negara yang bantu kami. Semua kes yang melibatkan *transaction* akaun, kami akan bekerjasama rapat dengan Bank Negara.

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey. Daripada 97 tanah ini berdasarkan *money trail* dan bantuan daripada Bank Negara kami mendapati bahawa 15 *transactions* ada positif, ada perlakuan rasuah. Jadi berdasarkan itulah, maka dua suspek iaitu Datuk Seri Tengku Adnan Mansor iaitu Menteri Wilayah Persekutuan pada masa itu dan seorang *businessman* Dato' Tan Eng Boon telah dituduh di mahkamah dengan melibatkan nilai rasuah sebanyak RM3 juta. Okey, *next*. Inilah lot-lot tanah yang dipertuduhkan. Ia ada 15 lot seperti yang dipamerkan di skrin.

Tuan Pengerusi: Minta maaf Dato'. *List* tanah yang diperkatakan ataupun dipaparkan di hadapan kita pada hari ini, dalam kategori awal yang Dato' agihkan dan Dato' asingkan mengikut yang pertama yang tidak tertuduh ini yang mana? Ini masuk yang mana? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Yang empat tadi. Okey, daripada 20 tanah yang diragui tadi kami dapati enam lot tanah yang terlibat dengan perbuatan rasuah, ada enam. Jadi sembilan lagi yang termasuk yang daripada 97 yang tadi. So, enam itu termasuk yang 20 itu. Okey, jadi semua 15.

Tuan Pengerusi: Satu 20, enam daripada....

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Enam yang tadi yang kita tuduh dan selebih sembilan itu yang selebih yang dalam 97 lot itu.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Dato', maknanya yang belum didakwa berapa?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Bukan belum didakwa, memang tidak didakwa sudah sebab tidak ada bukti-bukti yang setakat yang diputuskan oleh Pejabat Peguam Negara. Maksudnya kalau 15 daripada 97 itu, tolak 15 ada 82 lot, kami tidak mendapat bukti berlakunya perlakuan rasuah. AG telah membuat keputusan berdasarkan keterangan yang ada tidak ada kes ke atas 82 lot tadi itu.

Tuan Wong Chen [Subang]: So, Dato' Sri *just to be very clear*. Dalam isu *audit task force* Kementerian Wilayah Persekutuan ini walaupun dia buat dia punya *private investigation*, dia punya *separate investigation*, *you are not influenced by it?*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Kami tidak boleh bergantung dengan— kita boleh jadikan sebagai satu input untuk membantukan siasatan tetapi kami akan menggunakan cara kaedah kami yang kami gunakan selama ini dalam mana-mana soal siasatan. Okey.

Tuan Pengerusi: Sebelum ini ada dibekalkan lampiran-lampiran ini oleh Yang Berhormat Menteri. But, semasa prosiding itu saya tidak hadir tetapi saya akan minta *Deputy*— I kena maklum. [Ketawa] So, I minta supaya *my Deputy* untuk tanya mengenai perkara ini.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang berbahagia Dato' Sri Mohd Shukri, so daripada— kami difahamkan bahawa 15 kes telah pun dibawa ke mahkamah yang mana enam daripadanya adalah daripada 20 transaksi yang masih yang di-*categorize*-kan sebagai masih dalam siasatan oleh Yang Berhormat Menteri.

So, pihak PAC mempunyai satu *concern* berkenaan dengan ada 15 transaksi yang telah dirunding semula dan diteruskan. Secara ringkasnya ia dimasukkan di dalam satu dokumen yang dimasukkan dalam Lampiran 3 yang mana kita *pickup* lima— kita *pickup* empat kes yang paling besar yang mana pulangan tambahan adalah dari lingkungan RM16 juta sehingga RM69 juta. So, boleh tidak kami mendapatkan pengesahan daripada keempat-empat ini mana-mana yang sudah dibawa ke mahkamah dalam 15 kes ini?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Boleh Yang Berhormat tengok dia punya...

Tuan Wong Kah Woh: Satu hingga empat.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Senarai depan ada atau tidak?

Tuan Pengerusi: Senarai itu. *Meh, meh.*

Tuan Wong Kah Woh: Okey, syarikat, saya baca syarikat. Oleh sebab di sini tiada nama syarikat. Mega Legacy (M) Sdn. Bhd..

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Mega Legacy (M) Sdn. Bhd..

Tuan Wong Kah Woh: Mega Legacy (M) Sdn Bhd, Utara Land Sdn. Bhd., Budi Jaya Sdn. Bhd. dan SkySierra Development Sdn. Bhd..

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, saya ingat tidak Yang Berhormat. *It is because* kami yang kami tuduh 14 lot ini adalah tanah milik Aset Kayamas Sdn. Bhd.. [Disampung] Satu syarikat, 14 lot dia dapat. Satu lagi milik Paragon City Development Sdn. Bhd.. Okey, maksudnya yang Yang Berhormat sebut itu memang tidak ada dalam...

Tuan Wong Kah Woh: Aset?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Aset Kayamas Sdn. Bhd. memiliki 14 lot dan satu lot milik Paragon City Development Sdn. Bhd..

Tuan Wong Chen: Dato' Sri, yang empat nama yang dicakapkan oleh *Deputy* tadi itu merupakan di mana bayaran tambahan itu memang nombor yang besar itu.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Dia punya *difference*.

Tuan Wong Chen: *RM69 million is a big differential. Wouldn't this be your first trigger point to investigate?*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, memang bila kita nampak satu yang luar biasa terutamanya daripada segi harga, itu fokus kami. Akan tetapi berdasarkan *money trail* kami tidak dapat apa-apa dia punya *corruption*. Begitu juga dengan bila kita rekod *statement* saksi, pun tidak ada pengakuan, so berdasarkan itu kami tidak dapat *pursuit*. *It is because* SPRM tidak boleh melihat harga itu tinggi semata-mata. Ia mesti ada bukti persaingan yang lain yang melibatkan *corruption*. So, okay. Unless Yang Berhormat, unless after this kalau kita dapat *lead* ataupun *info* tambahan yang membolehkan kami menyiasat semula, tidak jadi masalah.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya mohon sikit penjelasan. Kalau harga penilaian itu tinggi tetapi tiba-tiba jual dengan harga yang murah, kami orang awam rasa curiga. Akan tetapi dari segi *legal*, petugas penguat kuasa seperti SPRM, adakah itu sesuatu yang merugikan negara? Apakah peranan SPRM untuk membantu?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, ia dalam soal macam ini untuk *corruption* kita kena lihat bukti-bukti *transaction*. Okey, kalau sekiranya berlaku kerugian besar, biasanya kami ada satu bahagian khas iaitu Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan. Kami akan buat kajian benda ini. Berdasarkan kajian jika ada kelemahan yang merugikan kerajaan, kami akan syorkan kepada kementerian untuk ambil tindakan ke atas perkara ini.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Akan tetapi bukan penguatkuasaan?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Penguatkuasaan tidak boleh. Penguatkuasaan memang tidak boleh. Okey. Contoh macam ini Yang Berhormat sekiranya dalam mana-mana tender katakan, didapati bahawa pemilihan dibuat ke atas tender yang mahal, SPRM tidak ada kuasa untuk menghalang pemilihan tender, walaupun harga mahal sebab kita tengok dari segi *corruption*. Itu bidang kuasa agensi pelaksana masing-masing.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan luar sikit.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Adakah SPRM memerlukan suatu akta menaikkan benda itu ataupun memang *it is not your line*?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Saya rasa ini kena mungkin MOF kena main peranan tengok ini. Bukan bidang kuasa SPRM sebab kita lihat dari segi transaksi rasuah itu, okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ada lagi Dato' Sri. JPPH adalah satu agensi yang membuat penilaian tentang— JPPH.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: JPPH.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ia satu agensi yang membuat penilaian tentang harga jual beli. Harga ini yang selalu menjadi *trigger point* sama ada kita

menjalankan siasatan atau sebaliknya. Bagaimana dan setakat manakah kita boleh meyakini pegawai-pegawai JPPH yang membuat penilaian untuk satu-satu hartanah itu?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, kalau Yang Berhormat tanya saya penilaian yang dibuat oleh JPPH ini dengan penilaian yang dibuat oleh *private sector*, kami lebih meyakini penilaian *earlier* yang dibuat oleh JPPH kerana mereka ini adalah satu pegawai-pegawai yang bertugas secara *neutral*.

■1200

Kalau kita ambil *private sector*, kita bimbang ada *bias* penilaian di situ. Selalunya kami memang— dalam kes-kes kami pun, kami bergantung sepenuhnya kepada JPPH. Sekiranya kami meragui, baru kami akan ambil *private sector*.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan saya...

Tuan Pengerusi: Dato'— *sorry*, sekejap.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey.

Tuan Pengerusi: Saya tanya dahulu. Kalau misalannya SPRM dia memberi pandangan dan ulasan ini seperti surat yang dihantar oleh SPRM— ini yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada pihak PAC— yang mana Timbalan Ketua Pesuruhjaya Bahagian Operasi, dia mengatakan mengenai pandangan dia mengenai ulasan dan juga berhubung urusan pembangunan bagi 64 lot tanah dalam siasatan SPRM dan dia kata di sini bahawa "*Mengikut prosedur yang ditetapkan oleh DBKL*".

Tadi Dato' juga ada memaklumkan mengenai 15 yang telah ataupun sedang diambil tindakan oleh pihak SPRM. Okey, saya mempunyai satu persoalan yang mana kita melihat daripada selepas ini semua, dia ada ringkasan hasil rundingan lima transaksi bagi tanah DBKL dan daripada jumlah ini, ada empat yang kami merasakan sangat signifikan.

Jadi, persoalannya adalah— ini selepas daripada surat ini dikeluarkan. Betul, bukan? Adakah SPRM boleh melihat semula mengenai perkara ini selepas *the advice has been given* melalui surat ini? *Because, this is very significant because some of them* memang betul diteruskan dengan sedikit selepas rundingan mempunyai pulangan tambahan, *but the amount is very significant that require us— because it triggers us for us to look into*. Minta komen Dato'.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Tuan Pengerusi, dalam mana-mana kes siasatan SPRM, kami tidak akan mengeluarkan satu arahan kepada mana-mana agensi supaya tidak meneruskan proses sama ada proses penjualan tanah ataupun melibatkan apa-apa kontraktor ataupun pembinaan.

Saya beri contoh. Sekiranya kita menjalankan siasatan ke atas pembinaan jalan dan memang kita dapat buktikan bahawa untuk dapat projek itu berlakunya perlakuan rasuah, kami tidak akan mengeluarkan arahan kepada agensi seperti JKR, contohnya, atau mana-

mana agensi supaya menghentikan projek berkenaan. Sebab, yang kita fokus adalah dari segi *corruption*.

Begitu juga dalam soal tanah, kami tidak akan mengeluarkan arahan kepada DBKL supaya menghentikan proses itu sebab itu bidang kuasa DBKL. Terpulang kepada DBKL untuk meneruskan atau tidak meneruskan berdasarkan peraturan, peruntukan undang-undang yang sedia ada kecuali mendapat arahan daripada mahkamah untuk menghalang proses. Akan tetapi, SPRM, dia bukan satu badan yang boleh menghalang proses itu.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, *on a side note, I fully agree with you that SPRM wouldn't have power to ask you to proceed or not to proceed* dalam sesuatu kes. *Actually, I am quite annoyed with perenggan lima of your letter written by Dato' Sri Haji Azam Baki where he says... [Membaca petikan]*

"Sebarang penangguhan tindakan oleh pihak DBKL ini boleh mengakibatkan impak yang besar terhadap syarikat yang telah membeli tanah dan juga pihak pembeli unit-unit kediaman komersial yang telah menerima tawaran tetapi mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada institusi perbankan. Ia juga boleh menimbulkan masalah dalam urusan tukar milik di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan."

From my view is that the rest of the content in this letter is good, but not para five. Para five, if SPRM writing in this way, it would be interpreted by DBKL or the Minister to say that, "Look, SPRM is telling us it is good to go".

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, Yang Berhormat...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Saya tambah sedikit.

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, Dato'. Sebab surat ini digunakan dalam prosiding sebelum ini mengatakan bahawa, *"Eh, tiada masalah, sebab SPRM tiada masalah..."*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Sedikit, Dato' ya, sebelum Dato' jawab. Ini kerana sebelum ini, hasil kenapa kami membuat keputusan dengan kelulusan Tuan Pengerusi untuk menyiasat dan menanyakan Menteri adalah kerana aduan daripada pihak awam tentang transaksi tanah tertentu yang *quite, I think, of national interest* di Kuala Lumpur ini.

Jadi, bila kita minta pihak DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan membuat keputusan, *a policy decision with regards to settlement* atau *to pursue with legal risk* dan sebagainya, majoriti itu dibuat berdasarkan juga surat ini. *So, it is really, really harmful, I must say to you, because DBKL is already powerful.* Dia tidak punyai keperluan hendak rujuk kepada AGC kah, hendak dengar cakap kecuali kena saman di mahkamah. *So, I must state that we were very disappointed with that letter. I mean— the letter is okay but I have to say*

this because you were like, you know, SPRM ini macam the final bastion kalau apa-apa transaksi boleh dipersoalkan dan dibatalkan.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, Yang Berhormat. *I fully agree with Ahli Yang Berhormat semua, that letter is not supposed to be written like that.* Kalau saya *personally* tulis, selalunya saya akan tulis bahawa SPRM tidak mempunyai sebarang halangan ke atas mana-mana transaksi tanah dengan syarat ia dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang tetap. Kalau saya, saya akan tulis secara umum macam itu. *I am not going to that detail. I am sorry, Yang Berhormat, it is beyond my— because that letter not referred to me. But if he come to me, I will advise him properly. So...*

Tuan Pengerusi: Tidak mengapa, Dato'. Oleh sebab itulah kita bawa...

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *I agree. I agree.*

Tuan Pengerusi: ...Rujukan surat ini untuk maklumat Dato' sebab ini yang digunakan sebagai bukti membolehkan mereka untuk meneruskan apa jua penjualan...

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *Because the letter is too specific, too specific.*

Tuan Wong Kah Woh: *Seems like giving justification...*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *Not supposed to be like that.*

Tuan Wong Kah Woh: *Yes. Actually... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Already said that if that proceed is not mengganggu siasatan.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya melihat tadi— saya tidak tahu kalau saya keluar tajuk, tetapi penyiasatan terhadap kes-kes yang seumpama ini— tetapi ketika DBKL *solve the problem*, menyelesaikan masalah ini, *nego* dan sebagainya, adakah SPRM menyiasat tingkah laku mereka ketika mereka melakukan proses tersebut?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *Unless, Yang Berhormat, kita mendapat info terbaru bahawa ada perlakuan yang ke arah itu, kami bersedia untuk membuka semula. Akan tetapi setakat ini, belum kita menerima maklumat tambahan lagi, Yang Berhormat.*

Tuan Wong Chen: Dato' Sri, saya merujuk kepada muka surat lima, di mana nilai rasuah itu berjumlah RM3 juta. Semua tanah ini, transaksinya lebih daripada RM3 juta. *I mean, you know, is this the RM3 million that you can actually traced in the banking system, is it?*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya. Maksudnya kalau *compare* dengan nilai, Yang Berhormat, memanglah *too small RM3 million because the price of the lot* ini ratusan juta. Ada bilion ya? *[Ketawa]* So, memang *too small. But, that part* yang kami boleh *trace* sahaja, Yang Berhormat. Kalau harapkan kami, kami hendak banyaklah, Yang Berhormat. Lagi besar lagi bagus. Akan tetapi, setakat ini, ini yang dapat kami *trace*.

Tuan Pengerusi: Itu bidang kuasa SPRM untuk tengok, membuktikan bahawa ada *corruption*. Itu sahaja ya?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya.

Tuan Pengerusi: Kalau misalannya empat tadi yang kita maklumkan mengenai empat perkara ini, memang tadi Dato' maklumkan tidak ada *money trail* atau apa. Itu yang sebelum. Akan tetapi kalau selepas? Sebab dia sudah buat transaksi itu selepas— betul tidak? *This is after, right?*

Tuan Wong Kah Woh: *After, after.*

Tuan Pengerusi: *This is after. Have you gone in details whether there are some transaction...*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, Yang Berhormat. *We don't mind to relook back yang that particular case. So, kita tidak ada masalah. Sekiranya ada keraguan yang munasabah, itu kita boleh.*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: *Because there are four items that we are very concern and the...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Actually you are telling just now that you are going through all these 97 cases. But so far, yang kita buat dakwaan sekarang ini 15 cases sahaja daripada 57. Ada lagi tidak pertuduhan lagi?*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Setakat ini sudah tidak ada, Yang Berhormat. Setakat itu sahaja yang diputuskan oleh Pejabat Peguam Negara. Hanya 15 tanah lot sahaja setakat ini.

Sebab, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kes SPRM tidak pernah mati. So kalau ada penemuan baharu, kami akan buka balik. Dia tidak macam kes polis. Kes polis, dia ada *certain* dia punya *period*. But kes SPRM, *for life* dia akan hidup. Mati, tetapi hidup. [Ketawa]

■1210

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dato' Sri macam mana *you* buat siasatan tentang *money trail* dengan *cash threshold* ini? Boleh bagi cara?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey Yang Berhormat, kami mempunyai satu pasukan *money trail*, saya boleh kata bukan saya hendak pujilah, *among the best in the world because* kita ada bahagian AMLA dan bahagian *analysis*. Di mana dulu saya memang menghadapi masalah yang besar untuk menyiasat kes-kes *accounting*. *But what I did*, saya ambil tujuh pakar daripada luar, daripada KPMG, *Deloitte*, *Ernst & Young* dan *PricewaterhouseCoopers*, tujuh pakar saya bawa masuk untuk *transfer knowledge*, bagi kontrak kerja dia orang, seorang gaji RM60,000 Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Oh.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: RM60,000, RM50,000 gaji. *But*, kami SPRM tidak boleh bayar ikut skim kerajaan *because* skim kerajaan kalau JUSA B atau JUSA C baru belas ribu Yang Berhormat, orang luar dia tidak akan datang. *So, what* kami buat, kami minta kerajaan tolong bantu, bayar tujuh orang ini untuk *transfer knowledge*, *at the same time* saya

pergi *pick up* dekat universiti, UKM, UiTM, Universiti Malaya, *pick up the final year student accounting* yang *four pointer, final year*. Ambil 15 orang *you* hendak kerja SPRM atau tidak.

Then bila dia *agree* kita ikatkan *agreement*, bincang dengan JPA dan SPA *and then* masukkan dengan SPRM. *After* habis *training, basic training* saya hantar 15 orang ini ke *big four* iaitu *Deloitte, KPMG, Ernst & Young* dan *PricewaterhouseCoopers* ini selama dua tahun untuk buat *the auditing*. *At that same time, I enforce them* untuk buat ACCA, *we sponsored* dia orang semua. *So, when they comeback they not become investigator but they become analyst*.

This group yang ada 15 campur pegawai kita dalam 20 orang sekarang. Inilah yang pegawai-pegawai yang hebat inilah yang berjaya membuat kes 1MDB dalam masa enam bulan. Dia orang inilah diiktiraf oleh dunia oleh *Global Investigation Review (GIR)*. Kami dianugerahkan sebagai *Emerging Enforcers for 2018* atas kejayaan ini. *[Tepuk] The first time, they recognized by international body*.

Tuan Pengerusi: Tahniah.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya. So, kalau kes-kes AMLA, kes-kes *accounting* Ahli-ahli Yang Berhormat *can put trust to MACC now, you can put trust*. *[Ketawa] We have capacity and capability untuk doing that*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *Yes, yes no problem*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *No problem. For example, 1MDB, 15 layers, 15 layers but my officers manage to do the target*.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Doing declarations...*

Tuan Pengerusi: Ya lah. Okey, *any more questions please*.

Tuan Wong Kah Woh: *We need to proceed right?* Belum habis lagikan?

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, okey. Boleh, boleh silakan.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan Dato' Sri. Silakan.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, silakan. *Next, okey*. Sebenarnya DBKL ini dia sebelum tahun 2017, panduan berkaitan penjualan tanah *is very loose*, sebelum tahun 2017. Dia hanya ada selepas tahun 2017. Kalau tengok garis panduan 2017, *please* link dengan dia. *[Merujuk kepada slaid] Very loose*. Dia ada ini sahaja, *very loose*. *[Ketawa]* Dia ada ini sahaja. So ini carta macam *pipe plan*. *[Ketawa]* So, ini sebelum tahun 2017 ya. So, *but* 2017 dia ada *improve* dia punya ini, dia ada prosedur yang agak detil.

Okey, *please* tengok yang tahun 2017. *[Merujuk kepada slaid]* Okey, tengok yang prosedurnya. Ini detil, ini detil, ini memang panjang dan tebal. Saya ingat ini kita boleh serah, mungkin boleh serah salinan kepada Yang Berhormat ya. Okey, *next*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato' Sri kalau kita dapat maklumat mengenai perkara ini.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey.

Tuan Pengerusi: Minta Sekretariat lah, Johan.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya, kita boleh bagi.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ini dia punya Jawatankuasa, saya ingat ini Yang Berhormat sudah tahu ini kan? Mungkin sudah dibentangkan oleh DBKL.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: No.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Maksudnya...

Tuan Pengerusi: DBKL kita belum panggil lagi Dato' Sri.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Oh, saya ingat *the right agency is* DBKL lah. Okey, Jawatankuasa PANDU ini yang membuat keputusan berhubung dengan penjualan dan pembelian tanah ini. Terdiri daripada Datuk Bandar tetapi semua orang-orangnya lah, kebanyakan orang-orang DBKL dan ada JPPH. Ini dia punya Jawatankuasa dia. Maksudnya Menteri tidak ada di sini.

Okey, bila keputusan sudah dibuat oleh Jawatankuasa PANDU ini, maka dia akan buat satu minit bebas dan dihantar kepada Menteri untuk kelulusan. Oleh sebab di bawah Akta Kerajaan Tempatan hanya Menteri Wilayah Persekutuan sahaja yang boleh melakukan pindah milik tanah, Datuk Bandar tidak boleh. Datuk Bandar kuasanya hanya untuk merancang pembangunan tanah di Wilayah Persekutuan.

Okey, *next*. Okey, *last but not least* Ahli-ahli Yang Berhormat, kami juga telah selesai menjalankan siasatan untuk melihat dari segi kelemahan prosedur, undang-undang peraturan DBKL dan kami akan bantangkan pada DBKL dalam masa terdekat. Kami sudah jumpa dia punya *finding*, beberapa perkara yang perlu ditambah baik berkaitan dengan penjualan tanah ini. *Insyallah* dalam masa terdekat kami akan bantangkan kepada DBKL.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri slaid sebelum itu.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey. *Next*, sebelum.

Tuan Wong Kah Woh: Sebelum itu.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, so maksudnya Jawatankuasa hanya akan mencadangkan nama kontraktor kepada Menteri dan Menteri mempunyai kuasa mutlak.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya, kuasa untuk meluluskan. Hanya Menteri yang boleh pindah milik, orang lain tidak boleh Yang Berhormat di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Kerajaan Tempatan.

Tuan Wong Chen: Dato' Sri saya hendak tanya sekarang tentang isu *settlement* lah ya sebab mengikut laporan 97 kes yang disiasat ini banyak di *settle*, 77 sudah *settle* oleh DBKL.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey.

Tuan Wong Chen: Adakah peranan SPRM itu untuk menasihati proses *settlement* ini? Sebab walaupun kita boleh lihat kemungkinan ada rasuah pada *initial stage*, pada award dulu daripada kerajaan lamalah. Kerajaan baharu pun kita kena lihat *settlement* itu kena mengikut prosedur.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, memang termasuk dalam pemeriksaan yang kami buat sekarang, sudah selesai dan kami akan bantangkan kepada DBKL Yang Berhormat dan termasuk dia punya cadangan-cadangan daripada kami. Sudah ada itu.

Tuan Wong Chen: Jadi soalan kedua saya ialah pada masa *settlement* ini dilakukan ya, 77 kes, 20 dihantar kepada SPRM dan juga pada di *Attorney General Office*. Sebanyak 77 itu, *was your department involve in anything to do the 77 cases?*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Untuk *settlement* ataupun untuk kajian?

Tuan Wong Chen: *Settlement*.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: *Settlement* kami tidak terlibat Yang Berhormat. *Settlement* dibuat oleh DBKL sebab SPRM tidak ada kuasa untuk berurusan berkaitan dengan *settlement*.

Tuan Wong Chen: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Okey, Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: *Any anyone else? Do you have any more questions from the Jawatankuasa?* Ya, kalau tidak ada apa saya bagi pihak semua ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya dan juga semua dan rombongan yang datang pada hari ini. Terima kasih banyak.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Yang Berhormat pegawai saya ini *excited* sebab tidak ada pengalaman datang ke PAC. *[Ketawa]* Macam saya, saya sudah kerap, saya sudah banyak kali, dia orang *very excited* datang *first time*.

[Ketawa]

Tuan Wong Kah Woh: *So, more to come ya, more to come.*

Tuan Pengerusi: Pihak kami pun ada menyediakan *lunch* dan saya mempersilakan lah semua dalam bilik ini untuk bersama-sama dengan kita dalam *lunch*. *[Ketawa]*

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Ya, okey, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih banyak.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Hendak tambah sikit.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Kita orang pun belajar juga ini. Okey, terima kasih banyak.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Hendak tambah sikit kerana sebelum ini Tuan Pengerusi kita sudah banyak dengar tentang Ketua Pesuruhjaya, baca dekat media, jadi hari ini bertemu muka dan *alhamdulillah* kan.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, ambil gambar nanti.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Kami doakan cepat sembuh, khususnya sebelum menempuh bulan Ramadhan, *insya-Allah*.

Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull: Terima kasih, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.19 tengah hari]